



29 Mei 2023
29 May 2023
P.U. (A) 165

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(HARGA PINDAHAN) 2023

INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (HARGA PINDAHAN) 2023

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Dokumentasi harga pindahan semasa
5. Penyediaan dan pengemukaan dokumentasi harga pindahan semasa
6. Kaedah bagi menentukan harga selengan
7. Kebolehbandingan transaksi
8. Harga pindahan untuk transaksi berasingan dan bergabung
9. Perkhidmatan intrakumpulan
10. Perkiraan sumbangan kos
11. Harta tidak ketara
12. Faedah ke atas bantuan kewangan
13. Pelarasan oleh Ketua Pengarah
14. Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan
15. Pembatalan

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (HARGA PINDAHAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(*ed*) dibaca bersama seksyen 140A Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Harga Pindahan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2023 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pemakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi suatu transaksi terkawal yang disebut di bawah subseksyen 140A(2) Akta.

(2) Bagi tujuan penentuan dan pemakaian harga selengan, seseorang hendaklah menentukan dan memakai harga selengan untuk pemerolehan atau pembekalan harta atau perkhidmatan mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“dokumentasi harga pindahan semasa” ertinya dokumentasi harga pindahan semasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 4;

“harta” termasuklah apa-apa barang, benda alih atau tak alih, atau harta tidak ketara dan harta yang dimiliki secara benefisial;

“perkhidmatan” termasuklah apa-apa hak, manfaat, keistimewaan atau kemudahan yang disediakan, atau akan disediakan, diberikan atau dianugerahkan di bawah suatu perkiraan bagi atau yang berhubung dengan apa-apa kerja dan bantuan yang termasuk bantuan kewangan;

“transaksi tidak terkawal” ertinya suatu transaksi yang dijalankan oleh orang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan.

Dokumentasi harga pindahan semasa

4. (1) Seseorang yang memasuki suatu transaksi terkawal hendaklah menyediakan suatu dokumentasi harga pindahan semasa yang diwujudkan sebelum tarikh akhir bagi pengemukaan suatu penyata dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang suatu transaksi terkawal itu dimasuki.

(2) Dokumentasi harga pindahan semasa itu hendaklah mengandungi—

- (a) maklumat Kumpulan Perusahaan Multinasional seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1;
- (b) maklumat berkenaan perniagaan orang itu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2;
- (c) maklumat dan dokumen berkenaan suatu perkiraan sumbangan kos di bawah kaedah 10 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3;
- (d) indeks kepada dokumen yang dikemukakan di bawah kaedah ini;
- (e) tarikh dokumentasi harga pindahan semasa itu dilengkapkan;
- (f) apa-apa dokumen yang—
 - (i) menjadi asas pembangunan analisis harga pindahan;

- (ii) menyokong pembangunan analisis harga pindahan; atau
- (iii) dirujuk dalam pembangunan analisis harga pindahan; dan

(g) apa-apa maklumat, data atau dokumen berkaitan yang lain yang digunakan oleh orang yang memasuki transaksi terkawal untuk menentukan harga selengan di bawah kaedah 6, termasuklah kesan perubahan ketara kepada syarat perniagaan sepanjang tempoh asas.

(3) Jika apa-apa maklumat, data atau dokumen yang dikehendaki di bawah subkaedah (2) tidak terpakai kepada orang yang memasuki suatu transaksi terkawal, orang itu hendaklah menunjukkan ketidakpakaian maklumat, data atau dokumen itu dalam dokumentasi harga pindahan semasa itu.

(4) Bagi maksud kaedah ini, “Kumpulan Perusahaan Multinasional” ertinya suatu kumpulan perusahaan yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—

- (a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau
- (b) suatu perusahaan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia.

(5) Bagi maksud kaedah ini, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan bagi memudahkan pelaksanaan Kaedah-Kaedah ini.

Penyediaan dan pengemukaan dokumentasi harga pindahan semasa

5. (1) Dalam menyediakan suatu dokumentasi harga pindahan semasa sebagaimana yang dinyatakan di bawah kaedah 4, seseorang itu hendaklah menentukan suatu harga selengan berdasarkan maklumat, data atau dokumen terkini yang boleh dipercayai, yang boleh didapati secara munasabah, pada masa penentuan harga selengan itu.

(2) Maklumat, data atau dokumen yang digunakan dalam penyediaan dokumentasi harga pindahan semasa itu hendaklah disimpan dan dikekalkan dalam cara yang membolehkan maklumat, data atau dokumen itu tersedia untuk dipastikan dan diakses oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh, melalui notis di bawah tandatangannya menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan dokumentasi harga pindahan semasa secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian itu.

Kaedah bagi menentukan harga selengan

6. (1) Seseorang hendaklah menentukan harga selengan bagi suatu transaksi terkawal dengan mengguna pakai kaedah paling sesuai sebagaimana yang berikut:

(a) kaedah transaksi tradisional;

(b) kaedah keuntungan transaksi; atau

(c) apa-apa kaedah lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah yang memberikan tahap kebolehbandingan tertinggi antara transaksi.

(2) Seseorang hendaklah memastikan asas bagi kaedah yang dipilih di bawah subkaedah (1)—

(a) disokong dengan suatu penjelasan dan alasan bahawa kaedah yang dipilih itu serta petunjuk peringkat keuntungannya adalah sesuai

sebagai suatu penganggaran yang lebih baik dalam menentukan harga selengan; dan

(b) berdasarkan fakta dan keadaan, termasuk sifat ekonomi yang berkaitan bagi transaksi terkawal itu yang telah dicirikan dengan tepat.

(3) Ketua Pengarah boleh—

(a) membuat kajian semula kaedah yang dipilih seseorang itu dalam subkaedah (2); dan

(b) dalam membuat kajian semula di perenggan (a), menggantikan kaedah yang dipilih itu dengan mana-mana kaedah paling sesuai yang lain sebagaimana dinyatakan dalam subkaedah (1) sekiranya dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kaedah yang dipilih orang itu bukan kaedah paling sesuai dalam menentukan harga selengan.

(4) Bagi maksud kaedah ini—

“kaedah keuntungan transaksi” ertinya kaedah pecahan keuntungan atau kaedah margin bersih transaksi;

“kaedah transaksi tradisional” ertinya kaedah harga tidak terkawal boleh banding atau kaedah harga jualan semula atau kaedah kos tokok;

“petunjuk peringkat keuntungan” ertinya suatu ukuran keuntungan seseorang yang digunakan untuk membandingkan suatu transaksi terkawal dengan suatu transaksi tidak terkawal yang dibandingkan.

Kebolehbandingan transaksi

7. (1) Suatu transaksi tidak terkawal hendaklah digunakan sebagai suatu bandingan dalam menentukan suatu harga selengan bagi suatu transaksi terkawal.

(2) Sebelum suatu bandingan dalam subkaedah (1) ditentukan, seseorang itu hendaklah mencirikan dengan tepat transaksi terkawal itu dengan mengenal pasti hubungan komersial atau kewangan antara orang berkaitan berdasarkan sifat ekonomi yang berkaitan yang disebut di bawah subkaedah (4).

(3) Suatu transaksi tidak terkawal boleh digunakan sebagai suatu bandingan jika—

(a) sifat ekonomi yang berkaitan bagi transaksi tidak terkawal itu dan transaksi terkawal adalah serupa secukupnya;

(b) tidak ada perbezaan berkenaan sifat ekonomi yang berkaitan antara transaksi tidak terkawal itu dengan transaksi terkawal, atau antara beberapa orang yang memasuki mana-mana transaksi itu, berkemungkinan memberi kesan material terhadap harga atau kos yang dikenakan atau dibayar atau keuntungan yang terbit daripada transaksi itu dalam pasaran terbuka; atau

(c) pelarasan yang secara munasabahnyanya tepat boleh dibuat untuk menghapuskan kesan material itu daripada perbezaan yang disebut dalam perenggan (b).

(4) Sifat ekonomi yang berkaitan bagi maksud pencirian yang tepat transaksi terkawal dan penentuan bandingan di bawah kaedah ini termasuk—

(a) terma-terma kontraktual transaksi terkawal itu;

(b) fungsi yang dilaksanakan oleh setiap orang berkaitan kepada transaksi terkawal itu dengan mengambil kira aset yang digunakan dan risiko yang ditanggung, termasuklah—

- (i) bagaimana fungsi itu berkait dengan penjanaan nilai yang lebih luas oleh suatu kumpulan yang pihak-pihak adalah sebahagian daripadanya, keadaan sekeliling transaksi itu dan amalan industri; dan
- (ii) menentukan kepentingan ekonomi risiko, tanggungan risiko kontraktual dan sebenar, analisis fungsian yang berhubung dengan risiko itu dan bagaimana risiko itu memberi kesan kepada harga transaksi antara pihak-pihak;

(c) ciri-ciri harta atau perkhidmatan;

(d) hal keadaan ekonomi dan pasaran yang pihak-pihak itu beroperasi; dan

(e) strategi perniagaan yang dijalankan oleh pihak-pihak berkaitan.

(5) Ketua Pengarah boleh membenarkan pemakaian data dari tahun di bawah pemeriksaan dan tahun-tahun sebelum jika—

(a) data yang lengkap dan tepat boleh didapati untuk membuktikan kesan terhadap kitaran hayat atau kitaran perniagaan harta atau perkhidmatan dalam industri orang itu dalam transaksi terkawal yang data itu boleh meningkatkan kebolehpercayaan analisis kebolehbandingan; dan

(b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa kesan kitaran hayat atau kitaran perniagaan harta atau perkhidmatan itu tidak terkesan dengan syarat komersial atau hubungan kewangan di antara orang berkaitan.

(6) Bagi maksud kaedah ini—

(a) keputusan transaksi terkawal yang dicirikan dengan tepat mengikut subkaedah (2) hendaklah dibandingkan dengan keputusan

transaksi tidak terkawal bagi tahun asas yang sama untuk suatu tahun taksiran menggunakan kaedah sepertimana ditentukan di bawah kaedah 6; dan

- (b) data yang disebut dalam subkaedah (5) hendaklah hanya digunakan untuk membantu dalam pemilihan bandingan dan bukan untuk penggunaan purata pelbagai tahun.

Harga pindahan untuk transaksi berasingan dan bergabung

8. (1) Seseorang dalam suatu transaksi terkawal hendaklah menentukan suatu harga selengan bagi setiap transaksi terkawal mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika gabungan suatu transaksi terkawal adalah berkait rapat atau berterusan dan tidak boleh dinilai secara berasingan, atau jika boleh ditunjukkan bahawa amalan biasa industri adalah untuk menetapkan satu harga pindahan untuk transaksi itu, Ketua Pengarah boleh membenarkan penentuan harga selengan berdasarkan gabungan transaksi itu.

Perkhidmatan intrakumpulan

9. (1) Seseorang dalam suatu transaksi terkawal hendaklah mengguna pakai kaedah yang dinyatakan dalam kaedah 6 untuk menentukan harga selengan bagi perkhidmatan intrakumpulan.

(2) Dalam memakai kaedah sebagaimana yang disebut dalam subkaedah (1), orang itu hendaklah menunjukkan bahawa—

- (a) perkhidmatan intrakumpulan telah diberikan dan perkhidmatan itu telah memberikan suatu manfaat ekonomi atau nilai komersial kepada perniagaannya; dan
- (b) caj bagi perkhidmatan intrakumpulan itu adalah berasas.

(3) Apa-apa caj yang dikenakan oleh seseorang itu dalam suatu transaksi terkawal berkenaan dengan perkhidmatan intrakumpulan hendaklah tidak diambil kira jika ia melibatkan—

(a) aktiviti pemegang saham atau penjagaan;

(b) perkhidmatan duplikasi;

(c) perkhidmatan yang menyediakan manfaat sampingan atau manfaat hubungan pasif; atau

(d) perkhidmatan sedia dipanggil.

(4) Bagi maksud kaedah ini, “perkhidmatan intrakumpulan” ertinya perkhidmatan yang diberikan antara orang berkaitan.

Perkiraan sumbangan kos

10. (1) Jika seseorang membuat suatu perkiraan sumbangan kos dengan orang berkaitannya untuk berkongsi kos dan risiko bagi pemerolehan atau pembekalan harta atau perkhidmatan, orang itu hendaklah menentukan peruntukan kos bagi perkiraan itu adalah mengikut peruntukan yang sepatutnya dijalankan oleh seseorang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan dalam suatu perkiraan yang serupa.

(2) Jika terdapat suatu kemasukan, penarikan balik atau penamatan oleh mana-mana orang berkenaan dengan perkiraan sumbangan kos yang disebut dalam subkaedah (1), apa-apa bayaran yang dibuat kepada orang itu berkenaan dengan kemasukan, penarikan balik atau penamatan itu hendaklah ditentukan mengikut bayaran yang sepatutnya dibuat oleh seseorang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan.

(3) Bagi maksud kaedah ini, seseorang dan orang berkaitannya hendaklah ditafsirkan sebagai—

- (a) beberapa orang, yang seorang daripadanya mempunyai kawalan ke atas yang lain;
- (b) individu-individu yang bersaudara antara satu sama lain; atau
- (c) beberapa orang, yang kedua-duanya adalah dikawal oleh orang yang lain.

Harta tidak ketara

11. (1) Jika dalam suatu transaksi terkawal suatu harta tidak ketara dijual atau dilesenkan—

- (a) pemilik atau pemberi lesen hendaklah mengenakan suatu harga selengan; dan
- (b) nilai harta itu kepada pembeli atau pemegang lesen hendaklah merupakan manfaat yang dijangka akan dijana oleh harta tidak ketara itu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), harga selengan untuk jualan atau lesen itu hendaklah ditentukan dengan memakai kaedah harga tidak terkawal boleh banding, atau dalam hal jika harta tidak ketara itu bernilai tinggi atau unik, kaedah pecahan keuntungan residual hendaklah dipakai.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), Ketua Pengarah boleh membenarkan pemakaian kaedah yang lain di bawah kaedah 6 jika kaedah yang lain itu memberikan tahap kebolehbandingan tertinggi antara transaksi.

(4) Walau apa pun pemilikan sah harta tidak ketara, jika seseorang menyumbang kepada nilai harta tidak ketara melalui fungsi yang dilaksanakan, aset yang digunakan atau risiko yang ditanggung berhubungan dengan pembangunan, penambahan, penyenggaraan, perlindungan atau eksploitasi harta tidak ketara, orang itu hendaklah berhak kepada balasan selengan bagi melaksanakan aktiviti itu.

(5) Jika seseorang yang bukan pemilik suatu cap dagangan atau nama dagangan menjalankan aktiviti pemasaran dan menanggung kos pemasaran cap dagangan atau nama dagangan itu melebihi daripada yang ditanggung oleh orang yang bebas yang boleh banding, orang itu hendaklah berhak kepada suatu balasan selengan bagi menjalankan aktiviti itu daripada pemilik cap dagangan atau nama dagangan itu.

(6) Pemilik harta tidak ketara tidak berhak kepada apa-apa pendapatan yang boleh dikaitkan dengan harta tidak ketara itu jika dia tidak melaksanakan fungsi atau mengawal fungsi atau risiko yang berkait dengan pembangunan, penambahan, penyenggaraan, perlindungan atau eksploitasi harta tidak ketara.

(7) Bagi maksud kaedah ini—

“harta tidak ketara” merujuk kepada aset yang bukan aset fizikal atau aset kewangan tetapi aset itu berupaya dimiliki atau dikawal bagi penggunaan dalam maksud komersial, yang penggunaannya atau pindahannya akan diberi ganjaran sekiranya ia berlaku dalam suatu transaksi di antara orang yang bebas dalam keadaan boleh banding yang termasuklah paten, ciptaan, formula, proses, reka bentuk, model, pelan, rahsia dagangan, kepandaian atau pemasaran tidak ketara;

“pemasaran tidak ketara” adalah suatu yang tidak ketara yang berkait dengan aktiviti pemasaran suatu harta atau perkhidmatan yang mempunyai nilai promosi yang penting bagi harta atau perkhidmatan itu yang termasuklah cap dagangan, nama dagangan, senarai pelanggan, hubungan pelanggan dan keempunyaan pasaran dan data pelanggan yang digunakan atau membantu dalam pemasaran dan penjualan harta atau perkhidmatan kepada pelanggan.

Faedah ke atas bantuan kewangan

12. (1) Mana-mana orang dalam suatu transaksi terkawal yang menyediakan atau menerima bantuan kewangan, secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada orang lain dengan atau tanpa balasan, hendaklah menentukan kadar faedah selengan bagi bantuan itu.

(2) Bagi maksud kaedah ini—

“bantuan kewangan” termasuklah pinjaman, kredit perdagangan berfaedah, pendahuluan atau hutang dan peruntukan apa-apa sekuriti atau jaminan;

“faedah” termasuklah caj kewangan, diskaun, premium atau balasan lain yang berhubungan dengan suatu transaksi terkawal.

Pelarasan oleh Ketua Pengarah

13. (1) Walau apa pun peruntukan lain di bawah Kaedah-Kaedah ini, jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa harga termasuk kadar faedah yang dikenakan atau yang sepatutnya dikenakan dalam suatu transaksi terkawal adalah tidak selengan, Ketua Pengarah boleh membuat suatu pelarasan untuk menunjukkan harga selengan atau kadar faedah selengan bagi transaksi itu dengan menggantikan atau mengenakan harga atau kadar faedah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika harga yang suatu transaksi terkawal dimasuki oleh seseorang—

(a) di dalam julat selengan, harga itu boleh dianggap sebagai harga selengan; atau

(b) di luar julat selengan, harga selengan hendaklah diambil pada median.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a), Ketua Pengarah boleh melaraskan harga bagi transaksi terkawal itu kepada median atau mana-mana titik lain atas median dalam julat selengan—

(a) yang transaksi tidak terkawal itu adalah jenis yang memiliki tahap kebolehbandingan yang lebih rendah; atau

(b) yang apa-apa kecacatan kebolehbandingan tidak boleh dikuantifikasi, dikenal pasti atau dilaraskan.

(4) Bagi maksud pelarasan yang dibuat di bawah subkaedah (1), Ketua Pengarah boleh mengenakan surcaj mengikut subseksyen 140A(3C) Akta.

(5) Bagi maksud kaedah ini—

“julat selengan” ertinya suatu julat angka atau satu angka yang jatuh di antara nilai 37.5 persentil hingga 62.5 persentil dalam set data dan boleh diterima oleh Ketua Pengarah dalam menentukan sama ada harga selengan telah diguna pakai dalam suatu transaksi terkawal dan julat tersebut, setelah mematuhi kaedah 7, diperoleh daripada—

- (a) pemakaian kaedah harga pindahan yang sama kepada beberapa data boleh banding; atau
- (b) pemakaian kaedah yang berbeza sebagaimana yang ditentukan di bawah kaedah 6;

“median” ertinya nilai pada titik pertengahan julat selengan.

Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan

14. (1) Suatu establismen tetap hendaklah dianggap sebagai suatu entiti berbeza dan berasingan daripada ibu pejabatnya dan cawangan yang berkaitan.

(2) Dalam kaedah ini, “establismen tetap” hendaklah mempunyai erti yang sama—

- (a) yang diberikan kepadanya dalam perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta; atau
- (b) sebagaimana takrif “tempat perniagaan” di bawah subseksyen 12(3) dan (4) Akta, sekiranya tiada perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta.

Pembatalan

15. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Harga Pindahan) 2012 [P.U. (A) 132/2012] dibatalkan.

JADUAL 1

[Perenggan 4(2)(a)]

MAKLUMAT KUMPULAN PERUSAHAAN MULTINASIONAL

1. Bagi maksud perenggan 4(2)(a), maklumat Kumpulan Perusahaan Multinasional hendaklah termasuk suatu gambaran keseluruhan perniagaan seseorang yang berkaitan kepada perniagaan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam Malaysia dalam suatu tempoh asas yang suatu transaksi terkawal itu dibuat seperti berikut:

- (a) struktur organisasi seluruh dunia Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang menunjukkan lokasi dan hubungan pemilikan di kalangan semua entiti dalam Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang menjalankan urusan niaga dengan orang itu dalam tempoh asas itu;
- (b) suatu perihalan perniagaan Kumpulan Perusahaan Multinasional yang berkaitan dengan perniagaan orang itu dalam tempoh asas itu, termasuklah—
 - (i) perniagaan, produk dan perkhidmatan, pasaran geografi dan pesaing utama Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam tempoh asas itu;
 - (ii) rantaian bekalan bagi perniagaan, produk dan perkhidmatan itu;
 - (iii) model perniagaan dan strategi Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam tempoh asas itu;
 - (iv) pemacu perniagaan bagi keuntungan perniagaan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam tempoh asas itu;

- (v) keadaan industri, pasaran, kawal selia dan ekonomi yang Kumpulan Perusahaan Multinasional itu beroperasi dalam tempoh asas itu;
 - (vi) aktiviti perniagaan setiap entiti dalam Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dan analisis fungsian yang memperihalkan sumbangan mereka, termasuklah fungsi yang dilaksanakan, aset yang digunakan dan risiko yang ditanggung, dalam tempoh asas itu; dan
 - (vii) perubahan kepada struktur Kumpulan Perusahaan Multinasional itu melalui penstrukturan semula, pemerolehan atau penyahlaburan dalam tempoh asas itu;
- (c) suatu perihalan berkenaan harta tidak ketara Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang digunakan dalam atau terpakai kepada perniagaan orang itu dalam Malaysia dalam tempoh asas itu, termasuklah—
- (i) strategi Kumpulan Perusahaan Multinasional itu bagi pembangunan, pemilikan dan eksploitasi harta tidak ketara dalam tempoh asas itu, termasuklah lokasi fasiliti penyelidikan dan pembangunan dan lokasi penyelidikan dan pembangunan itu diuruskan;
 - (ii) senarai harta tidak ketara dan nama entiti dalam Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang mempunyai pemilikan sah ke atas harta tidak ketara itu;
 - (iii) senarai perjanjian di kalangan entiti berkenaan harta tidak ketara, termasuklah perkiraan sumbangan kos, perjanjian perkongsian kos, perjanjian perkhidmatan penyelidikan dan perjanjian pelesenan;
 - (iv) polisi harga pindahan Kumpulan Perusahaan Multinasional yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan dan harta tidak ketara dalam tempoh asas itu; dan

- (v) apa-apa pemindahan kepentingan dalam harta tidak ketara di kalangan entiti dalam tempoh asas itu, termasuklah nama entiti dan negara mereka menjalankan perniagaan, dan amaun ganjaran yang terlibat;
- (d) aktiviti kewangan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang berkait dengan perniagaan orang itu dalam Malaysia dalam tempoh asas itu, termasuklah—
- (i) aktiviti kewangan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam tempoh asas itu, termasuklah aktiviti kewangan antara entiti Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dan perkiraan kewangan dengan peminjam yang bukan orang berkaitan;
 - (ii) pengenalpastian mana-mana entiti Kumpulan Perusahaan Multinasional yang memperuntukkan fungsi pembiayaan utama bagi Kumpulan Perusahaan Multinasional itu dalam tempoh asas itu; dan
 - (iii) suatu perihalan polisi harga pindahan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang berkaitan dengan perkiraan pembiayaan di antara orang berkaitan dalam tempoh asas itu;
- (e) kedudukan kewangan dan cukai Kumpulan Perusahaan Multinasional;
- (i) penyata kewangan tahunan disatukan Kumpulan Perusahaan Multinasional itu yang berkaitan dengan perniagaan orang itu dalam Malaysia dalam tempoh asas itu; dan
 - (ii) suatu senarai dan perihalan ringkas perkiraan harga awal sehalo Kumpulan Perusahaan Multinasional yang ada dan ketetapan cukai lain yang berkaitan dengan pengagihan pendapatan antara negara.

JADUAL 2

[Perenggan 4(2)(b)]

MAKLUMAT PERNIAGAAN

1. Bagi maksud perenggan 4(2)(b), maklumat berkenaan perniagaan seseorang hendaklah termasuk transaksi dengan orang berkaitannya dalam suatu tempoh asas yang transaksi terkawal itu dibuat dan maklumat yang berikut:

(a) struktur organisasi:

- (i) struktur organisasi dan pemilikan seluruh dunia orang itu (termasuklah carta organisasi global dan perubahan ketara dalam perhubungan, jika ada) yang meliputi semua orang berkaitan yang transaksinya secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada harga transaksi antara orang berkaitan;
- (ii) suatu perihalan berkenaan struktur pengurusan perniagaan orang itu termasuklah jaluran pelaporan di antara pengurusan perniagaan orang itu dan orang berkaitannya dan suatu perihalan berkenaan individu yang pengurusan perniagaan orang itu melapor kepada dan negara yang individu itu mengekalkan pejabat utamanya; dan
- (iii) carta organisasi tempatan bagi entiti tempatan dengan maklumat ketua jabatan (termasuklah sama ada mereka adalah ekspatriat atau rakyat tempatan) dan bilangan pekerja di setiap jabatan, pada akhir tempoh asas itu;

(b) jenis perniagaan, keadaan industri dan pasaran:

- (i) suatu perihalan berkenaan model perniagaan dan strategi orang itu, produk dan perkhidmatan, intensiti dan dinamik persekitaran berdaya saing yang berkaitan, pesaing dan pasaran geografi;
 - (ii) garis kasar perniagaan orang itu termasuklah sejarah terkini yang berkaitan, industri dan pasaran yang orang itu beroperasi, perihalan dan analisis keadaan ekonomi dan isu perundangan atau kawal selia yang memberi kesan kepada perniagaan dan industri;
 - (iii) suatu perihalan terperinci berkenaan perniagaan dan strategi perniagaan yang dijalankan oleh entiti tempatan termasuklah suatu indikasi sama ada entiti tempatan itu telah terlibat dalam atau terkesan dengan penstrukturan perniagaan, pemerolehan atau pemindahan harta tidak ketara dalam masa kini atau dalam tahun sebelum dan suatu penjelasan berkenaan aspek transaksi itu yang memberi kesan kepada entiti tempatan itu; dan
 - (iv) pelan perniagaan korporat setakat ia menunjukkan suatu tanggapan kepada jenis dan tujuan transaksi yang berkaitan di antara orang berkaitan;
- (c) transaksi terkawal:
- (i) suatu perihalan berkenaan butiran harta atau perkhidmatan yang berkaitan dengan transaksi antarabangsa atau domestik, apa-apa harta tidak ketara atau hak yang terikat kepadanya, peserta, skop, masa, kekerapan, jenis dan nilai transaksi terkawal (termasuk semua urusan berkaitan di antara orang berkaitan dalam pasaran geografi yang berkaitan);
 - (ii) identiti semua orang berkaitan itu termasuklah nama dan alamat orang berkaitan itu, negara yang orang berkaitan itu diperbadankan dan

didaftarkan atau ditubuhkan, dengan butiran berkenaan hubungan dengan setiap orang berkaitan itu;

- (iii) jenis, terma (termasuk harga) dan syarat-syarat, kuantum dan nilai setiap transaksi yang dibuat dengan setiap orang berkaitan;
- (iv) suatu gambaran keseluruhan perniagaan, dan juga analisis fungsian semua orang berkaitan yang orang itu bertransaksi dengan;
- (v) semua kontrak atau perjanjian komersial sah yang menetapkan terma dan syarat transaksi dengan orang berkaitan dan juga dengan pihak ketiga; dan
- (vi) suatu rekod apa-apa ramalan, bajet atau apa-apa anggaran kewangan lain yang disediakan oleh orang itu untuk perniagaan secara keseluruhan dan untuk setiap bahagian atau produk secara berasingan;

(d) butiran polisi harga bagi setiap jenis transaksi terkawal termasuklah—

- (i) formula yang diguna pakai, termasuklah jangkaan margin keuntungan atau kenaikan dan kos komponen;
- (ii) cara formula itu digunakan;
- (iii) orang yang menentukan polisi harga;
- (iv) kekerapan polisi disemak semula;
- (v) contoh dokumen untuk menyokong polisi harga;
- (vi) kajian kebolehbandingan untuk memastikan harga selengan; dan
- (vii) kesan perubahan ketara kepada polisi harga (jika ada);

- (e) anggapan, strategi dan maklumat berkenaan faktor yang mempengaruhi penetapan polisi harga yang boleh termasuk—
- (i) maklumat berkaitan berkenaan strategi perniagaan dan keadaan khas yang menjadi isu, sebagai contoh, tolakan transaksi yang disengajakan, strategi perkongsian pasaran, pengagihan saluran pemilihan dan strategi pengurusan yang mempengaruhi penentuan harga pindahan;
 - (ii) anggapan dan maklumat berkenaan faktor yang mempengaruhi penetapan harga atau penubuhan apa-apa polisi harga untuk orang itu dan kumpulan orang berkaitannya secara keseluruhan; dan
 - (iii) dokumen untuk menyokong faktor penting yang boleh memberi kesan kepada harga atau keuntungan dalam urusan selengan;
- (f) analisis fungsian, aset dan risiko termasuklah rangka kerja analisis risiko;
- (i) suatu perihalan berkenaan sifat harta atau perkhidmatan yang dipindahkan, fungsi yang dilaksanakan, aset yang digunakan, penilaian ke atas pengurusan, pengagihan dan anggapan risiko (berdasarkan kepada rangka kerja analisis risiko), terma dan syarat kontrak, strategi perniagaan yang dijalankan, keadaan ekonomi dan apa-apa keadaan khas lain; dan
 - (ii) maklumat berkenaan fungsi yang dilaksanakan (mengambil kira aset yang digunakan dan risiko yang ditanggung) oleh orang berkaitan yang terlibat dalam transaksi terkawal dan juga suatu perihalan fungsi, aset dan risiko orang yang berkaitan itu setakat ia memberi kesan atau terkesan dengan transaksi terkawal yang dibuat oleh orang itu;
- (g) analisis kebolehbandingan;

- (i) nama pihak yang diuji atau transaksi yang diuji yang dipilih dan asas pemilihan itu;
- (ii) data yang dikumpul termasuklah senarai dan perihalan bandingan yang berpotensi dan analisis yang dilakukan untuk menilai kebolehbandingan transaksi tidak terkawal dengan transaksi terkawal yang berkaitan. Analisis itu hendaklah membandingkan syarat termasuklah lima sifat ekonomi yang berkaitan yang dibuat untuk transaksi di antara orang berkaitan dengan transaksi yang dibuat dengan orang yang bebas di bawah keadaan yang boleh dibanding;
 - (iii) butiran bandingan termasuklah—
 - (A) suatu senarai dan perihalan syarikat bandingan atau transaksi yang dipilih;
 - (B) bagi harta ketara (jika terpakai), sifat fizikal dan kebolehsediaan kualiti;
 - (C) bagi perkhidmatan (jika terpakai), sifat dan takat perkhidmatan itu;
 - (D) bagi harta tidak ketara (jika terpakai), bentuk transaksi, jenis harta tidak ketara, hak untuk menggunakan harta tidak ketara yang ditugaskan dan manfaat yang dijangkakan daripada penggunaannya; dan
 - (E) maklumat kewangan bandingan;
 - (iv) asas dan kriteria yang digunakan dalam pemilihan bandingan termasuklah butiran kualitatif dan kuantiti penapisan dan balasan ekonomi;

- (v) pengenalpastian apa-apa bandingan dalaman;
 - (vi) maklumat dan dokumen untuk menyokong apa-apa pelarasan yang dibuat kepada bandingan yang boleh termasuk—
 - (A) analisis untuk menyokong keputusan pelarasan yang dibuat yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan kebolehbandingan antara pihak yang diuji dengan bandingan;
 - (B) alasan pelarasan itu;
 - (C) apa-apa anggapan yang dibuat;
 - (D) pengiraan bagi pelarasan yang dibuat; dan
 - (vii) jika terpakai, analisis pengagregatan (pengumpulan transaksi bagi kebolehbandingan) dan alasan pengagregatan transaksi;
- (h) pemilihan kaedah harga pindahan;
- (i) kaedah yang dipilih dan asas pemilihan itu;
 - (ii) perihalan data dan kaedah yang dipertimbangkan, analisis yang dilaksanakan bagi menentukan harga selengan dan rasional pemilihan kaedah termasuklah alasan penggunaannya berbanding kaedah harga pindahan yang lain; dan
 - (iii) dokumentasi proses yang terlibat dalam pemilihan dan pemakaian kaedah tertentu;
- (i) pemakaian kaedah harga pindahan;

- (i) dokumentasi anggapan dan keputusan yang dibuat dalam menentukan suatu hasil selengan berdasarkan kepada analisis fungsian, aset dan risiko dalam perenggan (*f*) dan analisis kebolehbandingan dalam perenggan (*g*);
- (ii) suatu senarai dan perihalan bandingan transaksi tidak terkawal yang dipilih (bandingan dalaman atau bandingan luaran), dan maklumat penunjuk kewangan yang berkaitan yang dipakai dalam analisis harga pindahan, termasuklah suatu perihalan kaedah carian bandingan dan sumber maklumat itu;
- (iii) dokumentasi semua pengiraan yang dibuat dalam memakai kaedah yang dipilih, dan apa-apa faktor pelarasan, berkenaan dengan kedua-dua pihak yang diuji dan bandingan;
- (iv) suatu perihalan berkenaan alasan bagi merumuskan bahawa transaksi yang berkaitan telah diletakkan harga pada asas selengan berdasarkan penggunaan kaedah harga pindahan yang dipilih;
- (v) suatu rumusan berkenaan maklumat kewangan yang digunakan dalam memakai kaedah harga pindahan;
- (vi) kemas kini yang sewajarnya bagi dokumentasi tahun sebelum yang digunakan dalam tahun semasa untuk menunjukkan pelarasan bagi apa-apa perubahan ketara dalam fakta dan keadaan yang berkaitan;
- (vii) suatu senarai perkiraan harga awal sehala dan perkiraan harga awal dua hala yang dimasuki oleh entiti dalam kumpulan orang berkaitan berkenaan dengan transaksi yang orang itu terlibat; dan
- (viii) dokumen yang menjadi asas atau menyokong, atau yang dirujuk kepada, dalam pembangunan analisis harga pindahan; dan

(j) maklumat kewangan:

- (i) penyata kewangan tahunan entiti tempatan bagi tahun kewangan yang terbabit dan jika penyata beraudit wujud, ia hendaklah dikemukakan dan jika tidak, penyata tidak beraudit sedia ada hendaklah dikemukakan;
- (ii) maklumat dan jadual pengagihan yang menunjukkan bagaimana data kewangan digunakan dalam memakai kaedah harga pindahan boleh terikat kepada penyata kewangan tahunan; dan
- (iii) jadual rumusan data kewangan yang berkaitan bagi bandingan yang digunakan dalam analisis dan sumber dari mana data itu diperolehi.

2. Sekiranya apa-apa maklumat di bawah Jadual ini adalah duplikasi maklumat dalam Jadual 1, suatu rujukan silang kepada maklumat itu dalam Jadual 1 adalah memadai.

JADUAL 3

[Perenggan 4(2)(c)]

MAKLUMAT DAN DOKUMEN PERKIRAAN SUMBANGAN KOS

Bagi maksud perenggan 4(2)(c), maklumat dan dokumen berkenaan dengan penyertaan perniagaan seseorang dalam suatu perkiraan sumbangan kos dengan orang berkaitannya dalam suatu tempoh asas itu hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) suatu salinan perkiraan sumbangan kos yang semasa dengan pembentukannya (dan apa-apa kajian semula) dan apa-apa perjanjian lain yang berhubungan dengan dengan pemakaian perkiraan sumbangan kos antara peserta perkiraan sumbangan kos;

- (b) senarai dan identiti peserta dalam perkiraan sumbangan kos dan senarai mana-mana orang berkaitan lain yang akan terlibat dengan aktiviti perkiraan sumbangan kos atau yang dijangka akan mengeksploitasi atau menggunakan keputusan aktiviti subjek itu;
- (c) skop aktiviti dan projek spesifik yang diliputi oleh perkiraan sumbangan kos, dan bagaimana aktiviti perkiraan sumbangan kos diuruskan dan dikawal termasuklah apa-apa harta tidak ketara atau kelas harta tidak ketara yang wujud atau dirancang untuk dibangunkan;
- (d) tempoh perkiraan itu;
- (e) jumlah amaun sumbangan yang dilakukan mengikut perkiraan itu;
- (f) pengagihan tugas dan tanggungjawab;
- (g) bentuk dan nilai setiap sumbangan awal setiap peserta (termasuk penyelidikan) dengan perihalan terperinci berkenaan bagaimana nilai sumbangan awal dan semasa ditentukan (termasuk apa-apa bajet dan pelarasan sebenar) dan bagaimana prinsip perakaunan diguna pakai secara konsisten kepada semua peserta dalam menentukan perbelanjaan dan nilai sumbangan;
- (h) suatu perihalan berkenaan kaedah yang digunakan untuk menentukan bahagian sumbangan setiap peserta termasuklah unjuran yang digunakan untuk menganggarkan manfaat, apa-apa rasional dan anggapan yang menjadi dasar unjuran dan suatu penjelasan mengapa kaedah itu dipilih;
- (i) jenis dan takat kepentingan pemilikan efektif setiap peserta dalam keputusan aktiviti perkiraan sumbangan kos;
- (j) cara atau asas bahagian bersekadar jangkaan manfaat itu akan dikira;
- (k) rasional dan apa-apa anggapan yang menjadi unjuran manfaat yang dijangkakan;

- (l) prosedur bagi memasuki atau menarik balik daripada perkiraan itu dan kesannya;
- (m) polisi dan prosedur yang mengawal bayaran imbalan atau bagi pelarasan terma perkiraan itu bagi mencerminkan perubahan kepada keadaan ekonomi;
- (n) jika perbezaan ketara timbul di antara unjuran manfaat dan manfaat sebenar yang terjadi, anggapan yang dibuat untuk mengunjurkan manfaat akan datang perlu dipinda bagi tahun-tahun akan datang dan anggapan yang dikaji semula didokumenkan;
- (o) takat penggunaan harta perkiraan sumbangan kos oleh orang berkaitan yang bukan peserta perkiraan sumbangan kos, termasuklah amaun balasan yang dibayar atau kena dibayar oleh bukan peserta bagi penggunaan harta perkiraan sumbangan kos;
- (p) jangkaan pengagihan tanggungjawab dan tugas, dan mekanisma bagi menguruskan dan mengawal tanggungjawab dan tugas itu, secara khususnya, yang berkaitan dengan pembangunan, penambahan, penyenggaraan, perlindungan atau eksploitasi harta ketara atau harta tidak ketara yang digunakan dalam aktiviti perkiraan sumbangan kos; dan
- (q) semua perubahan ketara kepada perkiraan itu.

Dibuat 23 Mei 2023

[MOF.TAX.(S)700-2/1/201; PN(PU2)80/JLD.106]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2023

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation
4. Contemporaneous transfer pricing documentation
5. Preparation and furnishment of contemporaneous transfer pricing documentation
6. Method to determine arm's length price
7. Comparability of transactions
8. Transfer price for separate and combined transaction
9. Intra-group services
10. Cost contribution arrangement
11. Intangible property
12. Interest on financial assistance
13. Adjustment by Director General
14. Permanent establishment as a separate entity
15. Revocation

SCHEDULE 1

SCHEDULE 2

SCHEDULE 3

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(ed) read together with section 140A of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2023**.

(2) These Rules have effect for the year of assessment 2023 and subsequent years of assessment.

Application

2. (1) These Rules shall apply to a controlled transaction mentioned under subsection 140A(2) of the Act.

(2) For the purposes of determination and application of arm's length price, a person shall determine and apply the arm's length price for the acquisition or supply of property or services in accordance with the manner provided in these Rules.

Interpretation

3. In these Rules—

“contemporaneous transfer pricing documentation” means transfer pricing documentation as provided under rule 4;

“property” includes any goods, movable or immovable thing, or intangible property and beneficially owned property;

